

TARIKH	21/MAY/2012.	EDISI	Nasional
MUKA SURAT	N 21.	RUANGAN	SENTRAL.

Matlamat tinggi penentu kejayaan pelajar

Oleh Rosdi Ismail
rosdi@bharian.com.my

CALON Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) disaran menetapkan matlamat tinggi untuk mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan hingga melayakkan mereka meneruskan pengajian ke universiti.

Timbalan Pengarah Tabung Haji (TH) Terengganu, Azilah Itam, berkata matlamat itu memberikan mereka gambaran jelas mengenai hala tuju seterusnya gigih untuk mencapai hasrat berkenaan.

Beliau berkata, calon hendaklah menggunakan peluang disediakan pelbagai pihak dalam usaha membantu mereka untuk cemerlang dalam peperiksaan.

"Seminar Skor A SPM tajaan Tabung Haji menerusi Kelab

TaHa ialah medan terbaik untuk pelajar memperbaiki kekurangan diri selain menambah pengetahuan mengenai cara menjawab soalan dengan tepat.

"Menyedari kepentingan dan keprihatinan membantu calon SPM, TH sentiasa memastikan seminar dimanfaatkan pelajar kerana memberi peluang mereka berkomunikasi dengan guru pakar untuk menyelesaikan masalah pembelajaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Skor A SPM tajaan TH dengan kerjasama Unit Pendidikan Berita Harian di dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering, Jertih, Terengganu, baru-baru ini.

Lebih 270 calon SPM daripada

beberapa sekolah menengah sekitar daerah Besut, Jertih, Kemaman, Dungun, Kuala Berang dan Kuala Terengganu menghadiri seminar itu. Hadir sama, Pengurus TH Daerah Besut, Mohamed Ghazali Majid.

Pelajar SMK (Agama), Nurul Ittifaq, Kuala Besut, Norsuhada Mohd Shafie, berkata dia memperoleh banyak ilmu tambahan dan kelebihan itu membolehkannya memahami sesuatu topik yang sukar.

Pemahaman itu katanya, memberi peluang kepadanya menjawab soalan dengan tepat.

"Contohnya, guru pakar subjek Bahasa Melayu memberi penerangan jelas dan tepat mengenai ejaan perkataan yang betul serta penu-

lisan karangan menepati kehendak soalan," katanya.

Rakannya, Abdul Mukmin Amir Azha, berkata dia lebih faham dan mendapat maklumat terkini mengenai cara menjawab soalan yang betul terutama bagi subjek Bahasa Inggeris dan Matematik.



Azilah